

# UMS anjur Kupa-Kupa Speakers Corner

► Sempena Majlis Penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Bulan Keusahawanan Siswa 2018

UB 1.11.18 B2



Dari kampus

**KOTAKINABALU:** Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Majlis Penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Bulan Keusahawanan Siswa 2018 bertempat di Anjung Siswa JHEP UMS.

Majlis perasmian penutupan itu telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Datin Paduka Ir Dr Siti Hasmah Tapsir yang sekali gus melancarkan Kupa-Kupa Speakers Corner dan penyerahan streamer Speakers Corner kepada dekan-dekan fakulti serta pengetua-pengetua kolej kediaman.

Dalam majlis itu juga diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan pidato antara kolej kediaman yang mana



**GIMIK** perasmian majlis oleh Siti Hasmah (tiga kanan).

johan disandang oleh Iskandar Zulkarnain Ramli, naib johan Mohamad Shakendy Muhamad dan tempat ketiga Najmie Rani.

Sementara pemenang Deklamasi Sajak sempena Gerakan Dekad Bulan Bahasa Kebangsaan ialah Mohd Shahrul Akmal Jamaluddin, naib johan Nurfidah Albari dan tempat ketiga Ali Toupan Rajalee. Beberapa atlit UMS turut menerima sijil


penghargaan atas pencapaian dalam acara sukan yang disertai.

Sempena bulan keusahawanan siswa juga, tiga Ikon Alumni telah menerima sijil penghargaan iaitu Azizul Julirin, Muhammad Gaddafi Gulistan dan Sably Yusin. Majlis disempurnakan oleh Siti Hasmah.

Turut diadakan penyampaian sijil watakah pelantikan dan sesi bacaan

ikrar Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2018/2019 yang baru membentuk barisan kepimpinan kabinet.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Dr Ismail Ali, Pendaftar No'man Hj Ahmad dan Ketua JHEP Ahmadi Nurdin.



SESI bergambar bersama Siti Hasmah.